

# RM58 juta tertunggak

Seramai 26,000 penyewa PA, PPR culas bayar sewa

NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak akan berkompromi dengan penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) tidak membayar sewa yang tunggaknya kini mencecah RM58 juta sehingga 1 Julai lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisyam Ahmad Dahlan berkata, tunggakan itu melibatkan 26,000 penyewa yang tinggal di PPR dan PA DBKL.

Menurutnya, terdapat penyewa mempunyai tunggakan sewa mencecah RM10,000 dan ada di anta-

ranya tidak pernah membayar sewa sejak menduduki unit rumah berkenaan.

"Ini tidak adil kepada penyewa lain, malah DBKL turut terkesan dengan tunggakan ini kerana kutipan sewa ini digunakan untuk kos pengurusan dan penyelenggaraan PPA dan PA.

"DBKL telah banyak kali bertolak ansur dan membantu penyewa menjelaskan tunggakan melalui program-program yang diperkenalkan.

"Sudah sampai masanya tindakan lanjut diambil kepada mereka yang ingkar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Program Perumahan Bersih dan Karnival Kerjaya di PPR Pekan Kepong Jalan Silang yang dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad di sini semalam.

Sementara itu, Khalid berkata, Program Perumahan Bersih yang diberikan nafas baharu adalah usaha DBKL ke arah



FOTO: DBKL

Khalid (kanan) melihat van sekolah percuma yang disediakan DBKL untuk meringankan beban penghuni PA dan PPR semalam.

penyediaan kediaman kondusif dan selamat kepada penghuni.

"Pada masa sama, kita mahu melahirkan penghuni yang ada sikap tanggungjawab terhadap penjagaan kebersihan dan keceriaan kawasan perumahan.

"Kementerian Wilayah

Persekutuan juga mewujudkan perancangan jangka panjang dalam membentuk program kebajikan bagi membantu menaikkan kos sara hidup terutama warga Wilayah Persekutuan mengikut garis panduan ditetapkan termasuk program diadakan hari ini (semalam)," katanya.